

28/03/2000

Wawasan untuk Melaka

PADA 10 Mac lalu, genap 100 hari Datuk Wira Mohd Ali Rustam menjadi Ketua Menteri Melaka yang kesembilan. Sejak mengangkat sumpah jawatan pada 2 Disember 1999, pelbagai pengalaman sudah dilalui dan beberapa kejutan dilakukannya untuk membangunkan Melaka. Berikut adalah temu bual beliau dengan wartawan Berita Harian, Rahman Hashim di Melaka.

BH: Sesetengah pihak berpendapat tempoh 100 hari adalah masa berpantang atau tempoh ujian. Apa komen datuk mengenai tugas yang dijalankan dalam tempoh berkenaan selepas dilantik menjadi Ketua Menteri?

Ali: Pertama kali, saya ucapkan ribuan terima kasih kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Yang Dipertua Negeri Melaka, Tun Syed Ahmad Shahabuddin kerana kepercayaan yang diberi kepada saya untuk menjadi Ketua Menteri yang kesembilan.

Sejak mengangkat sumpah jawatan pada 2 Disember tahun lalu, saya sedar tugas ini bukanlah mudah kerana memerlukan pengorbanan yang tinggi serta kerjasama daripada semua pihak. Saya bersyukur kerana mempunyai barisan Exco yang mantap serta kerjasama padu daripada ketua jabatan dan agensi kerajaan lain, sehingga membolehkan saya menjalankan tugas ini dengan lancar.

Walaupun pada mulanya, ada beberapa pihak menghadapi masalah untuk menyesuaikan diri dengan cara saya bekerja, nampaknya masalah ini sudah tidak timbul lagi.

BH: Bagaimana pandangan datuk mengenai tugas ketua menteri?

Ali: Ini satu tanggungjawab yang mencabar dan saya sentiasa berusaha jalankan tugas ini sebaik mungkin mengikut kehendak Perdana Menteri. Mudah-mudahan juga dapat memajukan lagi negeri Melaka di samping meningkatkan prestasi kerajaan sedia ada.

Saya juga berharap dapat meneruskan semua program pembangunan yang sudah diusahakan oleh kerajaan yang ada serta dapat diselesaikan secepat mungkin.

BH: Nampaknya datuk lebih cenderung memajukan aspek pelancongan di Melaka. Apakah faktor yang menyumbang ke arah itu?

Ali: Sebenarnya, Melaka bukanlah seperti negeri lain yang kaya dengan hasil bumi dan sumber alam. Oleh itu, cara paling baik mencari sumber pendapatan negeri ialah dengan meneruskan usaha memajukan sektor pelancongan.

Walaupun sebelum ini, sektor pelancongan sudah dimajukan, kali ini skop pelancongan merangkumi sembilan bidang utama, iaitu pendidikan, perubatan, pertanian, beli belah, konvensyen, sukan, rekreasi, sejarah dan industri.

Selain itu, kerajaan negeri akan mewujudkan sebuah Pusat Perdagangan Melaka di Ayer Keroh bagi memudahkan syarikat tempatan dan asing, memperkenalkan produk masing-masing.

Baru-baru ini, kerajaan negeri melancarkan Festival Pelancongan Melaka di Kuala Lumpur City Centre dan nampaknya impak daripada festival itu sudah mula dirasai oleh sektor perhotelan. Kerajaan negeri berharap menjelang akhir tahun ini, bilangan pelancong yang datang dan bermalam di Melaka akan bertambah, iaitu daripada 1.6 juta kepada tiga juta orang.

Malah pada April ini, kerajaan negeri akan melancarkan festival yang sama di Singapura kerana sebahagian besar pelancong yang datang ke negara ini, ialah pelancong Singapura. Kerajaan negeri juga bercadang mengadakan festival berkenaan di Pekan Baru, Indonesia pada Jun ini.

BH: Bagaimana pula tumpuan datuk terhadap sektor lain seperti

perindustrian, pertanian dan agama?

Ali: Kerajaan negeri turut memberi perhatian kepada semua sektor ini. Melalui agensi kerajaan negeri seperti Perbadanan Kemaajuan Negeri Melaka (PKNM) dan Yayasan Melaka, sektor perindustrian dan pertanian masih diberi keutamaan.

Bagaimanapun, sektor pelancongan yang sebelum ini diletakkan di bawah PKNM, kini dipindahkan terus ke Unit Pelancongan Jabatan Ketua Menteri bagi mengurangkan kerenah birokrasi. Begitu juga, dengan fungsi Yayasan Melaka yang ditugas menguruskan soal biasiswa dan pinjaman, kini diserapkan terus ke Tabung Pendidikan Negeri Melaka.

Untuk bidang agama pula, pelbagai program yang sudah dirancang sebelum ini, akan diteruskan. Sebagai pengerusi portfolio agama negeri, saya akan memastikan projek keagamaan seperti kegiatan dakwah serta bantuan kepada fakir miskin dan anak yatim, sentiasa diperbanyakkan.

BH: Datuk turut memberi fokus utama membantu golongan tua dan fakir miskin. Boleh datuk sebutkan antara usaha yang sudah dilakukan untuk membantu golongan ini?

Ali: Dalam pentadbiran mana-mana kerajaan negeri pun, golongan tua dan fakir miskin, tidak boleh diketepikan. Malah, golongan inilah yang sepatutnya diberi keutamaan kerana Islam menganjurkan umatnya supaya sentiasa menghormati orang yang lebih tua. Antara usaha yang dilakukan untuk membantu golongan ini ialah menaikkan bantuan bulanan untuk fakir miskin, iaitu daripada RM60 kepada RM90 dan bantuan orang tua pula, daripada RM90 kepada RM110.

Di samping itu, kerajaan sudah menaikkan bantuan bencana alam, iaitu daripada RM1,000 kepada RM6,000 dan bantuan Program Pembangunan Rakyat Termiskin (PPRT), daripada RM6,000 kepada RM10,000.

Selain itu, beberapa tabung sudah diwujudkan, termasuk Tabung Dakwah, Tabung Bencana Alam, Tabung Pendidikan dan Tabung Nelayan, untuk membantu mereka di segi kewangan.

BH: Apakah wawasan datuk dalam tempoh lima tahun ini?

Ali: Sejak dilantik ketua menteri, wawasan saya ialah ingin mewujudkan satu pentadbiran yang cekap dan berkualiti supaya perkhidmatan yang diterima rakyat, dapat memenuhi sebaik mungkin kehendak pengundi yang memberi mandat kepada BN dalam pilihan raya lalu.

Saya juga akan meneruskan usaha pembangunan dan menetapkan wawasan Melaka sebagai negeri maju menjelang 2010 serta memberi keutamaan kepada pembangunan seimbang, iaitu antara rohani dan jasmani.

Saya berpendapat negeri ini juga boleh menjadi pusat beli-belah dan pusat konvensyen, khususnya dalam industri perkhidmatan, sekali gus mempunyai ruang yang lebih besar untuk menjadi negeri yang termasyhur.

BH: Baru-baru ini kerajaan negeri membuat kejutan dengan menarik keluar wang simpanan tetap Perbadanan Ayer Melaka (PAM) berjumlah RM12 juta dari dua bank tempatan. Bagaimana reaksi masyarakat terhadap tindakan ini?

Ali: Sesetengah pihak, khususnya pembangkang sudah tentu mempertikaikan tindakan ini. Langkah ini turut menyebabkan saya dilabel sebagai 'tidak adil dan tidak demokratik'. Sebenarnya, keputusan ini dibuat selepas mengambil kira pelbagai faktor.

Seperti yang dilaporkan dalam akhbar sebelum ini, kedua-dua bank ini dikenal pasti mempunyai penyokong pembangkang paling ramai. Malah mereka sanggup menyalahgunakan kemudahan pejabat serta membocorkan rahsia pelanggan kepada orang ramai.

Mereka juga bertindak memakai lencana pembangkang, mengedarkan risalah pembangkang serta sanggup memburuk-burukkan kerajaan dan pemimpinnya secara terbuka. Sesungguhnya, perbuatan mereka ini lebih tidak adil dan tidak demokratik. Adakah patut kerajaan yang selama ini menaungi mereka hingga boleh mendapat pekerjaan dan hidup senang, dicerca begitu rupa?

Sepatutnya, mereka bersyukur dengan apa yang dinikmati selama ini. Walaupun menyokong atau bersimpati terhadap pembangkang, mereka sewajarnya tidak menyalahgunakan kedudukan yang ada hingga menjejaskan profesion perbankan.

Oleh itu, bagi menyedarkan perbuatan mereka yang tidak tahu bersyukur ini, adalah lebih baik wang itu dikeluarkan dan dimasukkan ke bank lain yang pandai bersyukur dan sentiasa memberi sokongan padu kepada kerajaan.

BH: Bagaimana pula tindakan kerajaan negeri yang menamatkan kontrak 14 doktor panel serta menyenaraihitamkan 24 kontraktor tempatan. Tidakkah langkah ini boleh menjejaskan sokongan terhadap datuk?

Ali: Dalam pilihan raya umum lalu, mereka bertindak menyokong pembangkang secara terang-terangan. Oleh itu, sama ada, kerajaan mengenakan tindakan terhadap mereka atau pun tidak, mereka tetap menyokong pembangkang. Apa yang penting ialah kerajaan negeri tidak boleh lagi berlembut terhadap mereka. Tindakan mereka yang berkempen untuk pembangkang, sungguh tidak beretika dan tidak profesional.

Memang langkah kerajaan negeri ini boleh merugikan mereka kerana sebahagian besar doktor Melayu mengharapkan kontrak kerajaan untuk meneruskan perniagaan. Jika ingin bergantung kepada pesakit biasa, adalah sukar untuk mereka.

Namun, kita masih ada ramai lagi doktor Melayu serta kontraktor yang menyokong kerajaan. Oleh kerana itu, tindakan terhadap mereka tidak akan memberi kesan buruk kepada kerajaan.

Jika mereka terus mempertikaikan tindakan ini, saya menasihatkan doktor panel ini serta kontraktor terbabit, cuba mendapatkan `kontrak' lain daripada beberapa syarikat besar yang dikuasai oleh pembangkang pula. Saya rasa tindakan ini lebih adil.

BH: Sebagai pengerusi Barisan Nasional (BN) negeri, apakah tindakan yang dilakukan untuk mengurangkan pengaruh parti pembangkang, khususnya Pas, DAP dan Keadilan di Melaka?

Ali: Saya meminta semua ahli parti Umno dan komponen BN melihat semua keadaan pada peringkat akar umbi dan mengadakan perbincangan dari semasa ke semasa. Selain itu, BN negeri juga akan mengadakan siasatan terperinci pada peringkat kerajaan dan akar umbi di semua kawasan. Jika perlu, perang saraf akan dibuat untuk memulihkan semula sokongan pengundi terhadap BN.

Saya juga akan memastikan segala kelemahan BN yang dikesan sewaktu pilihan raya umum lalu, diatasi secepat mungkin. Lagipun, seperti yang diketahui, Melaka adalah salah satu negeri yang dikenali sebagai kubu kuat BN.

BH: Pemilihan Umno sudah semakin hampir. Bagaimana reaksi datuk terhadap jumlah pencalonan yang diterima serta sumbangan yang boleh diberi untuk memajukan Umno dan ahli Umno?

Ali: Saya berterima kasihlah kepada semua bahagian yang mencalonkan saya. Jika terpilih menduduki kerusi Majlis Tertinggi nanti, saya berjanji mencurahkan segala khidmat bakti dan pengorbanan, demi memajukan lagi Umno dan negara ke arah yang lebih produktif dan lebih inovatif.

(END)